

17 NOV 2003

Mahathir-Janji

MAHATHIR JANJI BANTU KEMPEN PILIHAN RAYA BN KEDAH

ALOR STAR, 17 Nov (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad mengulangi janjinya akan membantu Barisan Nasional (BN) negeri ini terutama Umno dalam menghadapi parti pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Bekas perdana menteri itu berkata beliau akan balik ke Kedah untuk membantu kempen sekalipun tidak akan bertanding mengekalkan kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum nanti.

"Saya akan balik Kedah untuk berkempen, menjadi tanggungjawab saya untuk menjelaskan sebarang kekeliruan yang ditimbulkan parti pembangkang," katanya pada sidang media setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini hari ini.

Ini merupakan kunjungan pertama Dr Mahathir ke negeri ini selepas melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Okt lepas.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, diberikan sambutan meriah oleh kira-kira 3,000 orang terdiri daripada penyokong parti komponen BN, ketua dan kakitangan jabatan kerajaan serta penduduk tempatan.

Dr Mahathir yang bersedia menjadi penasihat kempen pilihan raya BN Kedah berkata beliau merasakan amat perlu membalas jasa mereka yang pernah membantunya dalam berkempen suatu ketika dulu.

Beliau melahirkan keyakinan bahawa BN Kedah mampu mencapai kemenangan besar memandangkan kekuatan parti pembangkang di negeri ini pada pilihan raya umum 1999 hanyalah kerana mengambil kesempatan terhadap isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya fikir keadaan di Kedah dah pulih banyak, berbanding 1999 dulu, yang menyaksikan ada orang peralatkan sesuatu peristiwa kononnya kerajaan zalim menyebabkan rakyat keliru, termasuk anggota dan penyokong Umno," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau terharu dengan sambutan yang diberikan kepadanya hari ini walaupun tidak mempunyai sebarang kuasa lagi ketika ini.

"Saya terharu, ini menunjukkan walaupun seseorang pemimpin itu tidak berkuasa tetapi masih ada sokongan. Ini adalah sesuatu yang baik kepada BN selain menunjukkan rakyat menghargai apa yang dibuat oleh kerajaan," katanya.

Dr Mahathir turut memuji penggantinya, Abdullah yang katanya begitu rajin melakukan lawatan ke merata tempat walaupun di bulan Ramadan ini.

"Ini membuktikan dia (Abdullah) merasa bertanggungjawab untuk teruskan pembangunan negara. Saya harap semua orang beri sokongan kepada Abdullah," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata PAS semakin keliru kerana pada satu ketika parti itu mendakwa mudah menawan Kedah disebabkan beliau tidak bertanding tetapi baru-baru ini seorang pemimpinnya mengatakan akan bertanding di Kubang Pasu sekiranya beliau (Dr Mahathir) mempertahankan kerusi itu.

"Ini menunjukkan mereka (PAS) tiada kebolehan mentadbir negara. Mereka cuma peralat agama supaya dapat jadi Yang Berhormat, bukan niat untuk agama, bangsa dan negara," katanya.

Dr Mahathir kemudian meluangkan masa hampir 30 minit mengunjungi Pekan Rabu, kompleks perniagaan Bumiputera terbesar di negeri ini, membeli beberapa jenis juadah berbuka puasa di situ.

Beliau selepas itu menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk di  
Felda Laka Selatan, Changloon, Kubang Pasu.

-- BERNAMA  
MAN MNH RON